

**(ICCMW2021)**  
**The 2<sup>th</sup> International Conference on Contemporary Muslim World**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Malaysia, 13-14 October 2021

**Pembangunan Dimensi Penghayatan Akidah Penilaian Kerohanian  
Angkatan Tentera Malaysia Menggunakan Teknik Fuzzy Delphi**

**Azlisham Abdul Aziz<sup>\*a</sup>, Mohd Nor Mamat<sup>a</sup>, Daud Mohamed Salleh<sup>b</sup>**

<sup>a</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Shah Alam, Selangor, Malaysia*

<sup>b</sup>*Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia*

---

**Abstrak**

Selari dengan dasar Panglima Angkatan Tentera Malaysia Ke-21 menekankan aspek kerohanian dalam nilai teras memperkasa manusia pertahanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Justeru kajian ini dilaksanakan bertujuan membangunkan dimensi penghayatan akidah dalam menilai kerohanian manusia pertahanan secara kesepakatan panel pakar dalam membangunkan konstruk dimensi penilaian penghayatan akidah tersebut. Penyelidik menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (PRP) dalam menghasilkan kajian ini. Dalam konteks kertas kerja ini, penyelidik membincangkan proses fasa persepakatan 15 orang panel pakar terhadap konstruk penghayatan akidah. Proses tersebut bertujuan untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap konstruk penilaian penghayatan akidah dan menentukan kedudukan item-item. Proses ini mengaplikasi kaedah Fuzzy Delphi berdasarkan soal selidik 7 skala likert. Data yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan penomboran segi tiga fuzzy. Kedudukan setiap konstruk ditentukan menggunakan proses *defuzzification*. Secara keseluruhan, dapatan kajian merumuskan bahawa panel pakar telah mencapai kesepakatan bagi semua item bagi konstruk di bawah dimensi penghayatan akidah penilaian kerohanian dengan nilai *defuzzification* melebihi nilai  $\alpha\text{-cut}=0.5$  (nilai threshold adalah  $\leq 0.2$  dan kesepakatan pakar melebihi 66.7%). Seterusnya, proses aplikasi kaedah Fuzzy Delphi menunjukkan bahawa konstruk akidah kepada Allah, akidah kepada malaikat, akidah kepada kitab, akidah kepada rasul, akidah kepada hari kiamat dan akidah kepada qada serta qadar telah mencapai kesepakatan yang baik. Proses aplikasi kaedah Fuzzy Delphi telah menghasilkan konstruk dimensi penghayatan akidah penilaian kerohanian yang konsensus dan boleh menyumbang dalam membangunkan dimensi penilaian kerohanian ketenteraan Malaysia.

**Kata Kunci:** Rohani, kaedah fuzzy delphi, kesepakatan, angkatan tentera malaysian

---

**1. PENDAHULUAN**

Angkatan Tentera Malaysia sebagai peneraju pertahanan negara telah melalui pelbagai era pembangunan dan transformasi sejajar dengan kemajuan teknologi dan keadaan persekitaran strategik. Usaha yang konsisten diperlukan untuk membentuk sebuah angkatan yang kredibel, seimbang dan berkemampuan tinggi dalam melaksanakan peranan mempertahankan kedaulatan wilayah negara ini. Ia dihujahkan oleh Daud (2017), bahawa membina kekuatan ketenteraan bukan sahaja khusus kepada peralatan dan fizikal semata-mata, tetapi ianya merangkumi soal kerohanian yang membentuk watak-watak jiwa seorang tentera muslim. Ianya terkandung dalam saranan Allah SWT melalui surah 8 ayat 60 yang bermaksud: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) dari segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu

belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya.”

Rohani merupakan sesuatu yang *intangible* dan ianya perlu diberi tumpuan supaya menjadikan Angkatan Tentera Malaysia sebagai satu angkatan yang disegani (ATM, 2020). Menurut Hashim (1999), aspek dalaman seorang tentera juga adalah bersifat *intangible* dan abstrak serta ianya perlu diterjemahkan seterusnya disahkan secara empirikal melalui pemerhatian yang sistematis dan objektif untuk mendapatkan penanda aras. Untuk mengetahui sama ada anggota tentera memiliki aspek *intangible* yang tinggi, setiap kelemahan dan kekuatan perlu dinilai agar boleh dijadikan penanda aras ke arah mencapai misi dan objektif yang diharapkan.

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Peranan aspek dalaman tentera (*intangible*) ada hubung kait dan memberi impak terhadap kecemerlangan sumber pertahanan dan organisasi (Mohd Kenali, 2007; Ab Aziz, 2005; Musa, 1987). Ia turut dihujahkan oleh Kwong (2015) dan Mohammad Daud (2014), yang menyatakan bahawa aspek dalaman manusia pertahanan seperti morel, semangat juang dan spiritual merupakan aspek *intangible* memberi pengaruh sama ada positif atau negatif terhadap prestasi sumber manusia pertahanan dan organisasi ATM itu sendiri.

Menurut Teoh (2006), antara indikator masalah dalaman manusia pertahanan ialah berlakunya kecelaruan luaran negatif yang berkaitan dengan manusia pertahanan seperti salah laku, kes tatatertib dan gejala kes negatif. Hal ini juga dapat dibuktikan melalui kajian luar negara seperti di Belanda oleh Gelooven (2007), di Belgian oleh Francois (2006) dan di Australia oleh Goyne (2004). Ketidakseimbangan dalam menilai dan mengukur aspek dalaman dan aspek luaran dalam ATM menyebabkan aspek dalaman sumber pertahanan tidak dapat dinilai dan dilihat secara sistematis sebagaimana yang dapat ditunjukkan dalam penilaian aspek luaran (*tangible*) yang berbentuk material ATM yang menilai dan mengukur kuasa tempur, mobiliti, komunikasi dan kuasa tembakan. Integrasi antara aspek dalam dan luaran ini sebagai pengukuran yang sistematis amat penting untuk menjadikan ATM sebagai organisasi yang cemerlang (Affendi, 2021 & Kwong, 2015).

Ia juga akan memberi indikator aspek dalaman (*intangible*) kerohanian yang sistematis kepada nilai teras ATM (MK ATM, 2020). Menurut Bujai & Hashim (2015), kewujudan satu instrumen dalam menilai dan mengukur aspek dalaman (*intangible*) manusia pertahanan yang merangkumi rohani dan ianya sebagai faktor penentu yang menjadi *driving forced* kepada seseorang anggota yang menyebabkan dia berani dan penuh bersemangat untuk berjuang tanpa ada rasa takut, lemah atau berputus asa (Jab Arah KAGAT, 2020).

## 3. TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kesepakatan panel pakar terhadap pengesahan konstruk bagi dimensi penghayatan akidah dalam menilai kerohanian ketenteraan Malaysia. Objektif kajian yang hendak dicapai adalah untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap item-item konstruk bagi dimensi penghayuan akidah dan menentukan kedudukan susunan item-item dalam kostruk tersebut.

## 4. METODOLOGI

### 4.1 Reka bentuk Kajian

Penyelidik menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (PRP) berdasarkan Richey & Klein (2007) yang melibatkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan fasa penilaian. Dalam konteks kertas kerja ini, penyelidik hanya membincangkan proses pada fasa kedua yang merupakan fasa reka bentuk dan pembangunan. Proses ini melibatkan aplikasi kaedah Fuzzy Delphi berdasarkan soal selidik menggunakan 7 skala likert.

Menurut Antony et al. (2020) bersandarkan kepada sorotan literatur, FDM adalah suatu gabungan di antara kaedah Delphi tradisional (klasik) dan teori set Fuzzy (kabur). Justeru menurut Ragin (2009), seorang pakar bidang matematik iaitu Lotfi Zadeh pada tahun 1965 telah memperkenalkan teori set

Fuzzy dan ia berfungsi sebagai lanjutan daripada teori set klasik di mana setiap elemen dalam set dilain berdasarkan kepada set binary (Ya atau Tidak). Nilai bagi penomboran Fuzzy adalah terdiri daripada 0 hingga 1 atau di dalam selang untuk (0, 1).

#### 4.2 Sampel Kajian

Penyelidik melibatkan seramai 15 orang panel pakar bidang untuk membentuk dimensi dan konstruk penilaian kerohanian ATM. Ini bersesuaian dengan bilangan pakar bidang yang dicadangkan oleh Adler & Ziglio (1996) dan Delbecq et al. (1975) iaitu 10 hingga 15 orang pakar. Menurut Fairuzzah et al. (2016) pula, pemilihan panel juga boleh dibuat berdasarkan status pakar dalam pengalaman professional bidangnya. Oleh itu, pemilihan panel pakar perlu memenuhi kriteria seperti yang telah ditetapkan (Marzuki & Ghani, 2007). Bilangan pakar dan jawatan ditunjukkan seperti di dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Pakar Terlibat Dalam Proses Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi.

| Kluster Kepakaran    | Jumlah | Kelulusan Akademik        |
|----------------------|--------|---------------------------|
| Nilai dan Etika ATM  | 1      | Sarjana                   |
| Dasar Kerohanian ATM | 4      | Sarjana Muda<br>& Sarjana |
| Tokoh Pendidikan     | 2      | Doktor<br>Falsafah        |
| Kefatwaan            | 2      | Doktor<br>Falsafah        |
| Teologi Islam        | 2      | Doktor<br>Falsafah        |
| Psikologi            | 2      | Doktor<br>Falsafah        |
| Tamadun Islam        | 2      | Doktor<br>Falsafah        |

#### 4.3 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan berdasarkan kepada langkah-langkah kaedah Fuzzy Delphi (Saedah et al., 2020; Mohd Ridhuan et al., 2014; dan Syamsul Nor Azlan et al., 2015). Untuk itu. Langkah-langkah yang digunakan oleh penyelidik adalah seperti berikut:

4.3.1 Membentuk soalan bagi soal selidik fuzzy Delphi berdasarkan temu bual pakar bidang di pusingan pertama. Skala likert 7 mata digunakan bagi soal selidik ini untuk mengukur tahap consensus persetujuan pakar bidang.

4.3.2 Pertemuan dalam talian dengan 15 pakar dalam bidang berkaitan kajian untuk menentukan kepentingan bagi kriteria penilaian terhadap pemboleh ubah yang akan diukur dengan menggunakan pemboleh ubah linguistik.

4.3.3 Menukar kesemua pemboleh ubah linguistik ke dalam penomboran segi tiga fuzzy (*triangular fuzzy numbers*). Ini dilakukan dengan mengandaikan nombor fuzzy  $r_{ij}$  adalah pemboleh ubah untuk setiap kriteria untuk pakar K untuk  $i=1,\dots,m$ ,  $j=1,\dots,n$ ,  $k=1,\dots$ , dan  $r_{ij}=1/K(r_2 \pm r_1)$ .

#### **4.4 Syarat Kekal dan Gugur Item Dalam Metode Fuzzy Delphi**

Syarat yang ditetapkan oleh penyelidik dalam mengekalkan dan menggugurkan sesuatu item adalah berdasarkan kepada tiga (3) syarat melalui *Triangular Fuzzy Number* (Mohd Ridhuan & Nurulrabiahah, 2020; Zulkifli, 2018; Mohd Ridhuan et al., 2017; Chen, 2000; Cheng & Lin, 2002), iaitu:

##### **4.4.1 Nilai *Threshold* ( $d$ ) $\leq 0.2$**

Syarat 1 adalah melibatkan nilai *threshold* ( $d$ ). Untuk mengukur kesepakatan kumpulan pakar, nilai *threshold* ( $d$ ) yang berhasil mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2. Dalam konteks kajian ini, tiga titik perpuluhan digunakan. Maka setiap item yang mengandungi nilai *threshold* ( $d$ ) yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas akan diterjemahkan sebagai diterima berdasarkan kesepakatan pakar (Mohd Ridhuan & Nurulrabiahah, 2020; Mohd Ridhuan, Saedah, Zaharah, Nurulrabiahah & Ahmad Arifin, 2019; 2017; 2014; Cheng & Lin, 2002; Chen, 2000). Penentuan nilai *threshold* ( $d$ ) ini adalah berdasarkan rumus berikut:

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

##### **4.4.2 Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 66.7\%$**

Syarat 2 adalah melibatkan peratusan kesepakatan kumpulan pakar. Syarat ini adalah bersandarkan kepada pendekatan kaedah delphi tradisional di mana nilai peratusan ini ditentukan berdasarkan jumlah item yang mengandungi nilai *threshold* ( $d$ ) yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas. Ini membawa maksud bahawa setiap item yang mempunyai nilai *threshold* ( $d$ ) bersamaan atau kurang daripada 0.2 akan diterima dan ditukarkan kepada nilai peratusan berdasarkan kaedah delphi tradisional. Penggunaan 66.7% dipilih berdasarkan kepada bilangan pakar sepakat adalah sebanyak 2/3 daripada jumlah pakar (Mohd Ridhuan & Nurulrabiahah, 2020; Mohd Ridhuan, Saedah, Zaharah, Nurulrabiahah & Ahmad Arifin, 2019; 2017; 2014; Shubashini, G., Izran Sarrazin, M., Jawahar, N.L., Abdul Hakim, M., Gunavathy, K, 2015; Chu & Hwang, 2008; Murry & Hammons, 1995).

##### **4.4.3 *Fuzzy Evaluation Skor Fuzzy(A)* $\geq$ nilai $\alpha - cut = 0.5$**

Manakala syarat 3 pula, penentuan nilai skor *fuzzy* ( $A$ ) adalah bersandarkan kepada nilai  $\alpha - cut$  iaitu 0.5. Sekiranya nilai skor *fuzzy* ( $A$ ) adalah kurang daripada 0.5, maka item yang diukur adalah ditolak berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar. Sekiranya nilainya sama dengan 0.5 dan ke atas, maka ia diterima berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar (Mohd Ridhuan & Nurulrabiahah, 2020; Mohd Ridhuan, Saedah, Zaharah, Nurulrabiahah & Ahmad Arifin, 2019; 2017; 2014; Tang & Wu, 2010; Bodjanova, 2006). Selanjutnya proses menentukan kedudukan dan keutamaan item boleh dilakukan di mana nilai skor *fuzzy* ( $A$ ) paling tinggi dianggap berada pada kedudukan pertama. Penentuan nilai skor *Fuzzy(A)* ini adalah berdasarkan rumus berikut:

$$A = (1/3)*(m_1 + m_2 + m_3)$$

### **5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

**5.1** Berdasarkan kepada dapatan menunjukkan semua pernyataan item bagi Konstruk akidah kepada Allah telah disepakati terima oleh panel pakar dengan melebihi peratusan pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai *threshold*  $\leq 0.2$  serta Skor *Fuzzy(A)*  $\geq$  nilai  $\alpha - cut = 0.5$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.1 (5 item aspek perasaan) dan jadual 2.2 (5 item aspek perbuatan).

Jadual 2.1. Jadual konstruk akidah kepada Allah (perasan).

| Subkonstruk Perasaan  | Syarat Triangular Fuzzy Numbers |                                | Syarat Fuzzy Evaluation Process |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|---|---------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|   | Nilai Threshold, d              | Peratus Sepakat Panel Pakar, % | m1                              | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Kejayaan bergantung kepada redha Allah SWT.   | 0.248                           | 86.7%                          | 0.740                           | 0.873 | 0.927 | 0.847          | Terima        | 5       |
| Memastikan tujuan berada di dunia ini adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.                   | 0.135                           | 86.7%                          | 0.807                           | 0.933 | 0.973 | 0.904          | Terima        | 3       |
| Tenang apabila bertawakal kepada Allah SWT.   | 0.049                           | 100.0%                         | 0.860                           | 0.980 | 1.000 | 0.947          | Terima        | 1       |
| Berhati-hati dalam keyakinan, ucapan dan perbuatan supaya tidak termasuk dalam syirik kepada Allah SWT. | 0.138                           | 93.3%                          | 0.793                           | 0.927 | 0.973 | 0.898          | Terima        | 4       |
| Merasakan keberadaan Allah SWT bersama saya.  | 0.096                           | 93.3%                          | 0.847                           | 0.960 | 0.980 | 0.929          | Terima        | 2       |

Jadual 2.2: Jadual konstruk akidah kepada Allah (perbuatan).

| Subkonstruk Perbuatan  | Syarat Triangular Fuzzy Numbers |                                | Syarat Fuzzy Evaluation Process |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|--|---------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|  | Nilai Threshold, d              | Peratus Sepakat Panel Pakar, % | m1                              | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Berfikir tentang ciptaan Allah SWT yang terdapat di sekeliling kita.           | 0.246                           | 86.7%                          | 0.747                           | 0.873 | 0.927 | 0.849          | Terima        | 5       |
| Mengajak rakan saya supaya sentiasa yakin kepada Allah SWT.                    | 0.166                           | 86.7%                          | 0.780                           | 0.913 | 0.960 | 0.884          | Terima        | 4       |
| Berwaspada dengan tindakan yang dilakukan kerana yakin Allah SWT Maha Melihat. | 0.105                           | 93.3%                          | 0.833                           | 0.953 | 0.980 | 0.922          | Terima        | 1       |
| Memastikan perbuatan sehari-hari tidak mensyirikkan Allah SWT.                 | 0.135                           | 86.7%                          | 0.807                           | 0.933 | 0.973 | 0.904          | Terima        | 2       |
| Melakukan semua amalan yang baik kerana Allah SWT.                             | 0.159                           | 93.3%                          | 0.793                           | 0.920 | 0.967 | 0.893          | Terima        | 3       |

Melalui jadual 2.1 dan jadual 2.2 juga menunjukkan kedudukan (*ranking*) setiap item dalam konstruk tersebut untuk disusun mengikut keutamaan dalam dimensi akidah terhadap Allah yang akan dijalankan dalam fasa ke tiga kajian iaitu fasa penilaian rintis dan tinjauan.

5.2 Manakala bagi item konstruk akidah kepada malaikat menunjukkan bahawa terdapat 3 item telah ditolak oleh panel pakar iaitu item; saya berasa malaikat akan membantu urusan saya, item; saya yakin apabila saya beramal soleh maka malaikat akan berada di sisi saya dan item; saya seronok membaca kisah kewujudan malaikat. Ketiga-tiga item ini ditolak berdasarkan dapatan menunjukkan peratusan pakar kurang dari 66.7% dan nilai threshold melebihi 0.2. Sementara itu, 2 item dikekalkan berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.3 (aspek perasaan akidah kepada malaikat).

Jadual 2.3. Konstruk akidah kepada malaikat (perasaan).

| Subkonstruk Perasaan   | Syarat Triangular Fuzzy Numbers |                                       | Syarat Fuzzy Evaluation Process |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|--|---------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|  | Nilai Threshold, d              | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                              | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Yakin dengan kewujudan malaikat menyebabkan saya berwaspada dalam kehidupan. | 0.186                           | 86.7%                                 | 0.793                           | 0.913 | 0.953 | 0.887          | Terima        | 1       |
| Yakin malaikat akan mengaminkan doa saya kepada Allah SWT.                   | 0.249                           | 80.0%                                 | 0.753                           | 0.880 | 0.927 | 0.853          | Terima        | 2       |
| Berasa malaikat akan membantu urusan saya.                                   | 0.422                           | 13.3%                                 | 0.593                           | 0.727 | 0.813 | 0.711          | Tolak         | -       |
| Yakin apabila saya beramat soleh maka malaikat akan berada di sisi saya.     | 0.429                           | 13.3%                                 | 0.633                           | 0.753 | 0.820 | 0.736          | Tolak         | -       |
| Seronok membaca kisah kewujudan malaikat.                                    | 0.396                           | 46.7%                                 | 0.553                           | 0.693 | 0.800 | 0.682          | Tolak         | -       |

Jadual 2.4. Konstruk akidah kepada malaikat (perbuatan).

| Subkonstruk Perbuatan   | Syarat Triangular Fuzzy Numbers |                                       | Syarat Fuzzy Evaluation Process |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|---|---------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|   | Nilai Threshold, d              | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                              | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Berhati-hati apabila melakukan perbuatan kerana malaikat Raqib dan Atid mencatat segala perbuatan.      | 0.049                           | 93.3%                                 | 0.873                           | 0.980 | 0.993 | 0.949          | Terima        | 1       |
| Berwaspada dalam perbuatan dosa kerana malaikat Munkar dan Nakir akan bertanya kepada saya dalam kubur. | 0.100                           | 86.7%                                 | 0.833                           | 0.953 | 0.987 | 0.924          | Terima        | 2       |
| Bersedekah waktu subuh untuk mendapatkan doa para malaikat.   | 0.331                           | 73.3%                                 | 0.653                           | 0.793 | 0.873 | 0.773          | Tolak         | -       |
| Berusaha untuk mendoakan rakan tanpa diketahuinya supaya malaikat pun turut berdoa untuk saya.          | 0.319                           | 66.7%                                 | 0.660                           | 0.807 | 0.887 | 0.784          | Tolak         | -       |

Begitu juga bagi item konstruk akidah kepada malaikat bagi aspek perbuatan menunjukkan bahawa terdapat 2 item telah ditolak oleh panel pakar iaitu item; saya bersedekah waktu subuh untuk mendapatkan doa para malaikat dan item; saya berusaha untuk mendoakan rakan tanpa diketahuinya supaya malaikat pun turut berdoa untuk saya. Kedua item ini ditolak berdasarkan kepada berdasarkan kepada dapatan nilai threshold melebihi 0.2, walaupun peratusan pakar melebihi dari 66.7% dan. Sementara itu, 2 item dikekalkan berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.4 (aspek perbuatan akidah kepada malaikat). Dalam jadual 2.3 dan 2.4 juga menunjukkan kedudukan (*ranking*) setiap item dalam konstruk tersebut untuk disusun mengikut keutamaan.

5.3 Sementara itu bagi item konstruk akidah kepada rasul (perasaan) menunjukkan bahawa terdapat 1 item telah ditolak oleh panel pakar iaitu item; saya seronok mendengar kisah nabi dan rasul. Item ini ditolak berdasarkan kepada dapatan nilai threshold melebihi 0.2, walaupun nilai peratusan pakar melebihi 66.7%. Sementara itu, item yang lain dikekalkan berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.5.

Jadual 2.5. Konstruk akidah kepada rasul (perasaan).

| Subkonstruk Perasaan  | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|---|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|   | Nilai <i>Threshold</i> , d             | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Yakin akhlak Nabi Muhammad SAW selaras dengan al-Quran.                                     | 0.137                                  | 93.3%                                 | 0.820                                  | 0.940 | 0.967 | 0.909          | Terima        | 2       |
| Seronok mendengar kisah nabi dan rasul.   | 0.324                                  | 80.0%                                 | 0.653                                  | 0.793 | 0.880 | 0.776          | Tolak         | -       |
| Gembira tergolong dalam umat Nabi Muhammad S.A.W.   | 0.262                                  | 86.7%                                 | 0.713                                  | 0.853 | 0.920 | 0.829          | Terima        | 6       |
| Yakin semua nabi pembawa berita baik dan peringatan dalam memberi motivasi dalam kehidupan. | 0.205                                  | 86.7%                                 | 0.740                                  | 0.880 | 0.947 | 0.856          | Terima        | 5       |
| Gembira sekiranya dapat mencintai Nabi Muhammad SAW melebihi ibu bapa, anak dan orang lain. | 0.138                                  | 93.3%                                 | 0.780                                  | 0.920 | 0.973 | 0.891          | Terima        | 3       |
| Sedar semua nabi mengajak manusia mengamalkan ajaran yang sesuai dengan fitrah manusia.     | 0.049                                  | 100.0%                                | 0.860                                  | 0.980 | 1.000 | 0.947          | Terima        | 1       |
| Marah apabila mendengar penghinaan terhadap nabi dan rasul.                                 | 0.214                                  | 93.3%                                 | 0.800                                  | 0.907 | 0.933 | 0.880          | Terima        | 4       |

Jadual 2.6. Konstruk akidah kepada rasul (perbuatan).

| Subkonstruk Perbuatan   | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|---|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|   | Nilai <i>Threshold</i> , d             | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Berusaha berselawat kepada Nabi Muhammad SAW setiap kali nama Baginda disebut.  | 0.083                                  | 93.3%                                 | 0.833                                  | 0.960 | 0.993 | 0.929          | Terima        | 1       |
| Berusaha memahami hadis-hadis Rasul SAW.  | 0.224                                  | 80.0%                                 | 0.700                                  | 0.853 | 0.933 | 0.829          | Terima        | 3       |
| Berusaha mengamalkan sunnah Rasul SAW.  | 0.138                                  | 93.3%                                 | 0.793                                  | 0.927 | 0.973 | 0.898          | Terima        | 2       |
| Berusaha memperbanyakkan selawat kepada Nabi Muhammad SAW dalam sehari semalam. | 0.257                                  | 80.0%                                 | 0.660                                  | 0.820 | 0.913 | 0.798          | Terima        | 4       |

Namun demikian bagi item konstruk akidah kepada rasul bagi aspek perbuatan menunjukkan bahawa kesemua item telah diterima secara konsensus oleh panel pakar dan dikekalkan berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.6 (aspek perbuatan akidah kepada rasul). Melalui jadual 2.5 dan 2.6 juga menunjukkan kedudukan (*ranking*) setiap item yang diterima dalam konstruk tersebut untuk disusun mengikut keutamaan.

5.4 Pada dapatan bagi konstruk akidah kepada kitab (perasaan) pula, mendapati 1 item telah ditolak oleh panel pakar iaitu item; saya sedih apabila melihat orang bersempang ketika bacaan al-Quran diperdengarkan. Item ini ditolak berdasarkan kepada dapatan nilai threshold melebihi 0.2, walaupun nilai peratusan pakar melebihi 66.7%. Sementara itu, item yang lain dikekalkan berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.7.

Jadual 2.7. Konstruk akidah kepada kitab (perasaan).

| Subkonstruk Perasaan   | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|--|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|  | Nilai Threshold, d                     | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Marah apabila terdapat penghinaan terhadap ayat al-Quran.                    | 0.111                                  | 86.7%                                 | 0.807                                  | 0.940 | 0.987 | 0.911          | Terima        | 2       |
| Yakin ajaran al-Quran dapat membentuk peribadi manusia yang baik.            | 0.049                                  | 100.0%                                | 0.860                                  | 0.980 | 1.000 | 0.947          | Terima        | 1       |
| Sedih apabila melihat orang bersebang ketika bacaan al-Quran diperdengarkan. | 0.330                                  | 33.3%                                 | 0.600                                  | 0.753 | 0.860 | 0.738          | Tolak         | -       |
| Yakin al-Quran perlu diamalkan dalam kehidupan.                              | 0.137                                  | 93.3%                                 | 0.820                                  | 0.940 | 0.967 | 0.909          | Terima        | 3       |
| Tenang apabila membaca al-Quran.   | 0.137                                  | 93.3%                                 | 0.820                                  | 0.940 | 0.967 | 0.909          | Terima        | 3       |
| Tenang apabila mendengar bacaan al-Quran.                                    | 0.137                                  | 93.3%                                 | 0.820                                  | 0.940 | 0.967 | 0.909          | Terima        | 3       |
| Gembira mampu membaca al-Quran setiap hari.                                  | 0.142                                  | 93.3%                                 | 0.807                                  | 0.933 | 0.967 | 0.902          | Terima        | 4       |

Jadual 2.8. Konstruk akidah kepada kitab (perbuatan).

| Subkonstruk Perbuatan  | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Sepakat Pakar | Ranking |
|--|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|---------------|---------|
|  | Nilai Threshold, d                     | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |         |
| Mendiamkan diri apabila mendengar bacaan al-Quran.                 | 0.273                                  | 80.0%                                 | 0.700                                  | 0.840 | 0.913 | 0.818          | Terima        | 2       |
| Datang awal ke kuliah tafsir untuk mendalami ilmu al-Quran.        | 0.231                                  | 86.7%                                 | 0.673                                  | 0.833 | 0.927 | 0.811          | Terima        | 4       |
| Berusaha mempelajari ilmu tajwid untuk memperelok bacaan al-Quran. | 0.166                                  | 93.3%                                 | 0.767                                  | 0.907 | 0.960 | 0.878          | Terima        | 1       |
| Membantu rakan membaca al-Quran.                                   | 0.290                                  | 80.0%                                 | 0.700                                  | 0.840 | 0.907 | 0.816          | Terima        | 3       |
| Bertanya dalam kelas al-Quran.                                     | 0.239                                  | 86.7%                                 | 0.660                                  | 0.820 | 0.920 | 0.800          | Terima        | 5       |

Namun demikian bagi item konstruk akidah kepada kitab bagi subkonstruk perbuatan menunjukkan bahawa kesemua item telah diterima secara konsensus oleh panel pakar dan dikekalkan berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.8 (aspek perbuatan akidah kepada kitab). Melalui jadual 2.7 dan 2.8 juga menunjukkan kedudukan (*ranking*) setiap item yang diterima dalam konstruk tersebut disusun mengikut keutamaan.

5.5 Berdasarkan kepada dapatan menunjukkan semua pernyataan item bagi konstruk akidah kepada hari akhirat telah disepakati terima oleh panel pakar dengan melebihi peratusan pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$  serta Skor Fuzzy(A)  $\geq$  nilai  $\alpha - \text{cut} = 0.5$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.9 (5 item aspek perasaan) dan jadual 2.10 (4 item aspek perbuatan).

Jadual 2.9. Konstruk akidah kepada hari akhirat (perbuatan).

| Subkonstruk Perasaan  | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Sepakat Pakar | <i>Ranking</i> |
|---|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|---------------|----------------|
|   | Nilai <i>Threshold</i> , d             | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |                |
| Berwaspada dalam kehidupan kerana segalanya akan dibalas pada hari akhirat.   | 0.152                                  | 100.0%                                | 0.767                                  | 0.907 | 0.973 | 0.882          | Terima        | 3              |
| Yakin setiap perbuatan baik dan buruk manusia pasti dibalas di akhirat kelak. | 0.063                                  | 93.3%                                 | 0.860                                  | 0.973 | 0.993 | 0.942          | Terima        | 1              |
| Ngeri apabila dimaklumkan tentang azab di dalam kubur sebelum hari akhirat.   | 0.159                                  | 93.3%                                 | 0.780                                  | 0.913 | 0.967 | 0.887          | Terima        | 2              |
| Tenang apabila setiap perbuatan baik saya akan dibalas pada hari akhirat.     | 0.236                                  | 86.7%                                 | 0.740                                  | 0.873 | 0.933 | 0.849          | Terima        | 5              |
| Sedar wujudnya alam akhirat apabila mengingati kematian.                      | 0.180                                  | 93.3%                                 | 0.767                                  | 0.900 | 0.960 | 0.876          | Terima        | 4              |

Jadual 2.10. Konstruk akidah kepada hari akhirat (perbuatan).

| Subkonstruk Perbuatan   | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Sepakat Pakar | <i>Ranking</i> |
|---|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|---------------|----------------|
|   | Nilai <i>Threshold</i> , d             | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |               |                |
| Berhati-hati dalam perbuatan saya apabila memikirkan tentang kematian kerana akan dibalas pada hari akhirat.                          | 0.278                                  | 80.0%                                 | 0.713                                  | 0.847 | 0.913 | 0.824          | Terima        | 4              |
| Melakukan amalan soleh untuk kehidupan hari akhirat nanti.  | 0.111                                  | 100.0%                                | 0.780                                  | 0.927 | 0.987 | 0.898          | Terima        | 1              |
| Menasihati rakan supaya ingat bawahan segala perbuatan di dunia akan dibalas pada hari akhirat.                                       | 0.217                                  | 93.3%                                 | 0.713                                  | 0.860 | 0.940 | 0.838          | Terima        | 3              |
| Menasihati keluarga saya supaya sentiasa berhati-hati dalam kehidupan kerana perbuatan baik dan buruk akan dibalas pada hari akhirat. | 0.188                                  | 93.3%                                 | 0.767                                  | 0.900 | 0.953 | 0.873          | Terima        | 2              |

Melalui jadual 2.9 dan 2.10 juga menunjukkan kedudukan (*ranking*) setiap item dalam konstruk tersebut untuk disusun mengikut keutamaan dalam dimensi akidah kepada hari akhirat yang akan dijalankan dalam fasa ke tiga kajian iaitu fasa penilaian tinjauan dan sebenar.

5.6 Pada dapatan bagi konstruk akidah kepada qada dan qadar (perasaan) pula, mendapati semua item telah diterima dan dikekalkan oleh panel pakar berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.11.

Jadual 2.11. Konstruk akidah kepada qada dan qadar (perasaan).

| Subkonstruk Perasaan  | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Kesepakatan Pakar | Ranking |
|---|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|-------------------|---------|
|   | Nilai <i>Threshold</i> , d             | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |                   |         |
| Redha dengan rezeki yang Allah SWT berikan kepada saya.                                     | 0.163                                  | 93.3%                                 | 0.807                                  | 0.927 | 0.960 | 0.898          | Terima            | 1       |
| Berazam untuk meningkatkan keimanan terhadap segala ketentuan Allah SWT terhadap diri saya. | 0.208                                  | 86.7%                                 | 0.753                                  | 0.887 | 0.947 | 0.862          | Terima            | 3       |
| Tenang dengan ujian Allah SWT yang ditentukan terhadap saya.                                | 0.209                                  | 86.7%                                 | 0.767                                  | 0.893 | 0.947 | 0.869          | Terima            | 2       |
| Gembira apabila rakan mendapat rezeki dan anugerah daripada Allah SWT.                      | 0.236                                  | 86.7%                                 | 0.740                                  | 0.873 | 0.933 | 0.849          | Terima            | 5       |
| Tidak akan menyesal dengan semua ketentuan Allah SWT terhadap diri saya.                    | 0.247                                  | 86.7%                                 | 0.760                                  | 0.880 | 0.927 | 0.856          | Terima            | 4       |

Jadual 2.12. Konstruk akidah kepada qada dan qadar (perbuatan).

| Subkonstruk Perbuatan  | Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> |                                       | Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i> |       |       |                | Kesepakatan Pakar | Ranking |
|--|--|---------------------------------------|--|-------|-------|----------------|-------------------|---------|
|  | Nilai <i>Threshold</i> , d             | Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, % | m1                                     | m2    | m3    | Skor Fuzzy (A) |                   |         |
| Berusaha untuk berjaya dalam kerjaya.  | 0.209                                  | 93.3%                                 | 0.753                                  | 0.887 | 0.947 | 0.862          | Terima            | 2       |
| Berusaha dalam kehidupan kerana Allah SWT akan mengubah nasib kita dengan cara berusaha.       | 0.219                                  | 86.7%                                 | 0.767                                  | 0.893 | 0.940 | 0.867          | Terima            | 1       |
| Berdoa untuk mengubah taqdir yang ditentukan Allah SWT terhadap diri saya.                     | 0.261                                  | 80.0%                                 | 0.713                                  | 0.853 | 0.920 | 0.829          | Terima            | 3       |
| Berusaha untuk menyambung ukhuwah kerana amalan tersebut akan mengubah takdir buruk diri saya. | 0.386                                  | 20.0%                                 | 0.607                                  | 0.747 | 0.840 | 0.731          | Tolak             | -       |

Sementara itu, terdapat satu item dalam subkonstruk akidah kepada qada dan qadar (perbuatan) yang ditolak iaitu; saya berusaha untuk menyambung ukhuwah kerana amalan tersebut akan mengubah takdir buruk diri saya. Item ini ditolak berdasarkan kepada dapatan nilai threshold melebihi 0.2 dan nilai peratusan pakar kurang dari 66.7%. Sementara itu, item yang lain dikekalkan berdasarkan kepada peratusan pakar pakar  $\geq 66.7\%$  dan nilai threshold  $\leq 0.2$ . Ianya dijelaskan melalui jadual 2.12.

Melalui jadual 2.11 dan 2.12 juga menunjukkan kedudukan (*ranking*) setiap item dalam konstruk tersebut untuk disusun mengikut keutamaan dalam konstruk akidah kepada qada dan qadar.

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti elemen dalam dimensi penghayatan akidah yang sesuai dalam reka bentuk dan pembangunan kriteria dalam penilaian kerohanian anggota tentera muslim Malaysia. Dapatkan kajian ini menjelaskan bahawa setiap anggota muslim ATM memerlukan penguasaan penghayatan dimensi akidah dari aspek perasaan yang melibatkan keyakinan di dalam hati seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan sebagai perbuatan atau amalan harian. Ini dihujahkan juga oleh Ismail & Jasmi (2016), Noordin & Nor'Aini (2002). Kekuatan dalaman aspek akidah akan membentuk dan melahirkan watak manusia termasuk manusia pertahanan dalam aspek akhlak dan nilai murni yang dijelmakan dalam bentuk amalan dalam kehidupan seharian (Jalal, 2017). Oleh itu kajian

ini adalah bertepatan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan dimensi penghayatan akidah yang dijadikan asas reka bentuk dan pembangunan intrumen penilaian kerohanian ATM.

## 6. KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan membangunkan dimensi penghayatan akidah penilaian kerohanian dalam ATM menggunakan reka bentuk penyelidikan pembangunan (PRP) dan melibatkan 15 orang pakar. Kaedah Fuzzy Delphi diaplikasikan untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap item-item konstruk di bawah dimensi penghayatan akidah. Melalui kaedah Fuzzy Delphi, penentuan kedudukan (*ranking*) item-item mengikut keutamaan dalam dimensi penghayatan akidah juga dilakukan. Secara keseluruhannya panel pakar bidang telah mencapai kesepakatan terhadap elemen dan item-item konstruk penghayatan akidah serta menempatkannya di kedudukan sepatutnya.

## PENGHARGAAN

Penghargaan penulisan artikel ini saya dedikasikan buat Penyelia Utama saya di Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Ts Dr Mohd Nor Mamat dan Penyelia Bersama saya di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Lt Kol (B) Prof Madya Dr Daud Mohamed Salleh di atas buah minda dalam menjayakan penulisan artikel ini. Begitu juga tidak dikesampingkan kepada Jabatan Arah KAGAT dan TDM kerana menyokong dan seterusnya membiayai pengajian pascasiswazah saya di ACIS UiTM.

## RUJUKAN

- Ab Aziz. (2005). *Penilaian Prestasi, Kepentingan dan Pemasalahan*. Utusan Publication Sdn Bhd.
- Abdul Halim. (2004). *Mengurus Sumber Manusia & Gaji*. PTS Publication.
- Adler M, Ziglio E. (1996). Gazing into oracle: The Delphi method and its application to social policy and public health. London: Jessica Kingsley Publisher.
- Akbari, R., & Yazdanmehr, E. (2014). A Critical Analysis of the Selection Criteria of Expert Teachers in ELT. *Theory & Practice in Language Studies*, 4(8).
- Angkatan Tentera Malaysia. (2020). *Perintah Ulung Panglima Angkatan Tentera Malaysia*. Angkatan Tentera Malaysia. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Anthony, M. F. W., & Ziden, A. A. (2020). Analisis Keperluan Pembangunan Model Penerimaan Gesva Dalam M-Pembelajaran Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Ipda*, 26(1), 251-266.
- Babbie, E. (2002). *The basis of social research. Edisi-2*. California: Wadsworth/Thomson Learning.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157, 879-891. doi: 10.1016/j.fss.2005.10.01.
- Brewer dan Hsiang, S. M. (2002). *The Ergonomics Paradigm': Foundations, Challenges and Future Directions. Theoretical Issues in Ergonomics Science*. 3 (3): 285-305.
- Bujai, M. R., & Hashim, A. (2015). Pelaksanaan aktiviti keagamaan dan hubungannya dengan penghayatan kerohanian Anggota Tentera Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 176-186.
- Chen. (2000). Extensions Of The Topsis For Group Decision-Making Under Fuzzy Environment. *Fuzzy sets and systems*, 114(1), 1-9. doi: [https://doi.org/10.1016/S0165-0114\(97\)00377-1](https://doi.org/10.1016/S0165-0114(97)00377-1).

- Cheng, C.H., & Lin, Y. (2002). O.R. Applications: Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research*, 142, 174-186. doi: 10.1016/S0377-2217(01)00280-6.
- Chu, H.-C., & Hwang, G.-J. (2008). A Delphi-Based Approach To Developing Expert Systems With The Cooperation Of Multiple Experts. *Expert Systems With Applications*, 34, 2826-2840. doi: 10.1016/j.eswa.2007.05.034.
- Daud Muhamad Salleh. (2017). *Keberkesanan program pengajian agama Islam (PPAI) dalam kalangan warga Muslim Angkatan Tentera Malaysia terhadap motivasi pembelajaran, penghayatan amalan keagamaan dan komitmen organisasi*. Tesis PhD, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia.
- Delbecq, A. L., Van de Ven, A. H., & Gustafson, D. H. (1975). *Group techniques for program planning: A guide to nominal group and Delphi processes*. Scott, Foresman.
- Fairuzzah Harun, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abd Razak. (2016). Pembangunan Elemen Amalan Akhlak Diri Guru Pelatih Muslim Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi. Available at SSRN 3442474.
- Francois. (2006). *The Measurement of Morale among Belgian Military Personnel Deployment In CRO: A Longitudinal Survey Design*. RMA Department of Behavioural Science Brussels Belgium.
- Gelooven R.M.W. (2007). *A Direct Measure of Morale in Netherlands' Armed Forces Morale Survey, Theoretical Puzzle, Empirical Testing and Validation*. Director of Defence Service Centre Behavioral Science.
- Goyne. (2004). *Measuring Unit Effectiveness: What Do Commanders and Want to Know and Why?*. Psychology Research Technology Group, Australian Regular Army.
- Hashim Hussien, (1999). *Achieving Effective Performance For Unit Commanders*. KEMENTAH, KL.
- Hendrick, H. W. (2000). *The Technology of Ergonomic*. Theoretical Issues in Ergonomics Science. 1(1): 22-23.
- Ismail, A. M., & Jasmi, K. A. (2016). *Akidah dan akhlak dalam pendidikan Islam*. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. (2020). *Perintah Ulung Ketua Pengarah Ke-7*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Jalal, B. B. (2017). Tahap Penghayatan Islam Dalam Pengurusan Diri Anggota Angkatan Tentera Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 34-41. Kementerian Pertahanan Malaysia. (2019). Malaysia: Kuala Lumpur.
- Kwong Fook Wen. (2015). *Model Integrasi Elemen Setara dan Tidak Setara Kekuatan Tempur Dalam Kesiagaan Tempur TDM*. Tesis PhD, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia.
- Marzuki, S. C. H., & Ghani, M. F. A. (2007). *Pembentukan model sekolah berkesan Malaysia: Satu kajian Delphi*. *Jurnal Pendidikan*, 27(1), 179-199.
- Mohammad Daud Johari. (2014). *Morel dan Pengaruhnya Terhadap Motivasi dan Komitmen Di Kalangan Anggota TDM*, Tesis Phd, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP),

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat Malaysia.

- Mohd Kenali Basiron. (2007). *Daya Juang Ketenteraan: Hubungannya Dengan Tekad Terhadap Organisasi, Kepuasan Kerja, Jiwa Tentera dan Kepimpinan Dalam TDM*. Tesis Phd Fakulti Sains Sosial, UKM. Bangi.
- Mohd Ridhuan, M.J. & Nurulrabiah, M.N. (2020). *Kepelbagai Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Qaisar Prestige.
- Mohd Sidi, Z., & Mamat, M. N. (2017). Keperluan model pentaksiran kemahiran (psikomotor): suatu pendekatan holistik dalam Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV). *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 3(2), 169-192.
- Mohd Ridhuan, M.J., Saedah, S., Zaharah, H., Nurulrabiah, M.N. & Ahmad Arifin, S. (2014;2017;2019). *Pengenalan Asas kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*, Minda Intelek.
- Murry, J., W. , & Hammons, J., O. (2017). *Delphi: A Versatile Methodology for Conducting Qualitative Research*. (4), 423. doi: 10.1353/rhe.1995.0008.
- Musa Da'. (1987). *Satu Kajian Mengenai Sains Sekolah Dengan Morel Guru Dengan Personaliti Murid*. Tesis PhD Fakulti Pendidikan, UKM.
- Noordin, T. A. Nor'Aini Dan. (2002). Paradigma Pendidikan Bersepadu: Perkembangan Dua Dekad. Dlm. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia*.
- Ragin, C. C. (2009). Qualitative comparative analysis using fuzzy sets (fsQCA). *Configurational comparative methods: Qualitative comparative analysis (QCA) and related techniques*, 51, 87-121.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2014). Design and development research. In *Handbook of research on educational communications and technology* (pp. 141-150). Springer, New York, NY.
- Rashidah Mohd, and Saedah Siraj, and Zaharah Hussin, (2018) Aplikasi kaedah Fuzzy Delphi dalam pembangunan modul pengajaran pantun Melayu berasaskan maksud al-Quran mengenai keindahan flora, fauna dan langit tingkatan 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* , 8 (2). pp. 57-67.
- Shubashini, G., Izran Sarrazin, M., Jawahar, N.L., Abdul Hakim, M., Gunavathy, K. (2015). The Identification Of Design For Maintainability Imperatives To Achieve Cost Effective Building Maintenance: A Delphi Study. *Jurnal Teknologi*, 77:30, 75–88
- Skulmoski, G. J., Hartman, F. T., & Krahn, J. (2007). The Delphi method for graduate research. *Journal of Information Technology Education: Research*, 6(1), 1-21.
- Tang, C.W., & Wu, C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university. *Higher Education*(3), 269.
- Teoh Hsien Jin. (2009). *Psychological Perspectives On Maintaining Unit Morale*. Sorotan Darat bil 54.